

Penilaian Rakan Sebaya dan Penggunaan Aplikasi Letsrecap dalam Interaksi Lisan

Zuraidah Abdul Karim

zuraidah_abdul_karim_a@moe.edu.sg

Jariah Ramlee


jariah_ramlee@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Northbrooks

Abstrak

Tinjauan awal guru mendapati pelajar tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan latihan bagi perbualan lisan. Mereka juga kurang berkeyakinan dan berasa gugup semasa menjawab soalan-soalan lisan. Keprihatinan ini menjadi fokus utama kajian ini dilakukan yakni untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan pelajar. Kaedah Penilaian Rakan Sebaya (PRS) yang menggunakan rubrik penilaian telah digunakan dalam kajian ini. Di samping itu, aplikasi mudah alih *Letsrecap* telah dijadikan wahana utama kerana pelajar boleh berlatih dengan menggunakan peranti seperti telefon bijak atau iPad. Guru juga boleh memantau latihan tersebut dengan mudah. Dapatan kajian menunjukkan dengan perancangan yang teliti, pelajar boleh dibantu meningkatkan ketrampilan interaksi lisan mereka.

Kata Kunci: penilaian rakan, rubrik, aplikasi *Letsrecap*, interaksi lisan, mudah alih



PENGENALAN

Berdasarkan saranan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, salah satu penekanan utama dalam Kurikulum Bahasa Ibunda yang dilaksanakan kini adalah memperkukuh kemahiran interaksi lisan dan penulisan dalam kalangan para pelajar. Malah, guru-guru turut digalakkan untuk menekankan usaha bagi mengembangkan kemahiran interaksi lisan dan penulisan demi melahirkan pengguna Bahasa Ibunda yang cekap. Kurikulum Bahasa Ibunda yang baharu juga menggalakkan guru agar membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat berkomunikasi dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan sebenar.


Oleh itu, pada tahun 2016 terdapat perubahan penilaian untuk Peperiksaan Lisan yang telah diperkenalkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura. Buat kali pertama, para pelajar sekolah menengah di Singapura menduduki peperiksaan lisan di peringkat nasional menggunakan klip video sebagai bahan rangsangan untuk bahagian perbualan. Ini sejajar dengan kurikulum yang dilaksanakan dan menghasilkan tugas autentik yang dekat dengan diri pelajar.

Jadual 1: Agihan Markah Peperiksaan Lisan

Peperiksaan Nasional	Agihan Markah Mengikut Komponen			Peratusan Pemberatan
	Bacaan	Perbualan	Jumlah	
Peringkat Biasa - O	10	40	50	25%
Peringkat Normal - N(A)	20	40	60	30%
Peringkat Normal - N(T)	20	30	50	50%

Jika dilihat pada agihan markah dalam peperiksaan, sebanyak 40 markah (Peringkat O dan N(A)) telah diperuntukkan untuk bahagian perbualan manakala Peringkat N(T) 30 markah. Peruntukan markah yang besar ini menunjukkan kepentingan bahagian penilaian tersebut dan memerlukan usaha para guru untuk memastikan para pelajar dilengkapi dengan kemahiran lisan bagi persediaan untuk menduduki peperiksaan lisan dengan yakin. Pasti, para pelajar akan memerlukan banyak latihan, pendedahan dan bimbingan daripada guru.

Penilaian merupakan bahagian penting dalam pengajaran dan



pembelajaran. Tujuan utama penilaian adalah untuk memberi maklum balas berterusan kepada pelajar agar pembelajaran mereka dapat terus diperbaiki. Penilaian memperlihatkan sama ada pelajar telah mencapai objektif pengajaran yang diharapkan dan meyakinkan guru akan keberkesanan strategi yang diterapkan dalam memperbaiki pengajaran, pembelajaran dan prestasi pelajar pada masa hadapan. Penilaian rakan sebaya dan juga penggunaan ICT merupakan fokus kajian bagi Unit Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Northbrooks untuk melihat keberkesanan penggunaannya dalam mempersiapkan para pelajar menghadapi peperiksaan lisan dengan yakin.

PERNYATAAN MASALAH


Keprihatinan pengkaji mengenai kesukaran pelajar untuk meraih markah tinggi bagi komponen perbualan mendorong pengkaji untuk mencari jalan penyelesaian. Usaha untuk membantu para pelajar meraih markah baik dan cemerlang bagi bahagian perbualan ini masih giat dijalankan. Para pelajar memerlukan banyak latihan dan pendedahan bagi memperkukuh kemahiran mereka untuk bertutur dengan baik. Namun, waktu kurikulum tidak mencukupi untuk guru dan pelajar melakukan banyak latihan lisan. Selain itu, berdasarkan pemerhatian para guru dan juga berdasarkan interaksi bersama pelajar, ramai pelajar berasa gugup ketika menghadapi peperiksaan lisan kerana mereka kurang pendedahan atau latihan bagi bahagian perbualan.

Kekurangan sesi latihan atau persiapan ini akan mengakibatkan pelajar menjadi gugup, tidak cekap dan kurang keyakinan untuk menghadapi peperiksaan lisan. Perkara ini sedikit sebanyak telah menjejaskan prestasi pelajar apabila diuji dengan soalan-soalan yang mencabar. Hal ini membimbangkan kerana markah keseluruhan serta gred yang akan diraih oleh para pelajar akan terjejas jika mereka tidak mencapai kelakonan yang terbaik dalam peperiksaan lisan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk:

1. mengkaji keberkesanan Penilaian Rakan Sebaya (PRS) dan penggunaan aplikasi ICT *Letsrecap* dalam menyediakan pelajar menghadapi peperiksaan lisan; dan
2. mengkaji sejauh mana pelajar mampu belajar secara sendiri dan secara



aktf melalui penilaian rakan sebaya.

KAJIAN LEPAS


Di Singapura, tidak banyak kajian dilakukan untuk menilai keberkesanan Penilaian Rakan Sebaya (PRS) dan Penggunaan ICT, terutama sekali dalam pengajaran lisan. Djohan Abdul Rahman dan Hezrina Johan Manikam (2016) yang menggunakan pendekatan PPNPIPAK untuk meningkatkan kemahiran lisan para pelajar. PPNPIPAK merupakan bimbingan berstruktur untuk para pelajar menghadapi peperiksaan lisan dengan yakin.

Ismail Fazel (2012) dari *British Columbia University* di dalam kajiannya di sebuah universiti di Iran mendapati PRS menyumbang kepada peningkatan dalam keberkesanan dan kualiti pembelajaran pelajar. Beliau mendapati mahasiswa juga berasa terdorong untuk memotivasikan diri mereka untuk belajar dan membantu rakan pelajar dengan mengambil bahagian dalam pembelajaran dengan lebih aktif. Mereka juga berasa bahawa mereka terlibat secara langsung dalam penilaian mereka sendiri. Mereka juga berasa lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Eddy White (2009) yang menjalankan kajiannya di *Tokyo University* menunjukkan dapatan yang positif di mana PRS dianggap berkesan sekiranya arahan dan kriterianya betul-betul difahami oleh para mahasiswa. Memandangkan budaya pengajaran di Jepun berpusat kepada guru, mahasiswa mendapati penilaian rakan sebaya merupakan satu kaedah yang baik kerana mereka berupaya mendapatkan maklum balas daripada rakan sedarjah.

Zina Adil Chamaqchee (2015), dalam kajiannya yang dijalankan di Iraq mendapati mahasiswa yang menjadi subjek kajian tidak pasti dan tidak yakin dengan PRS yang dilakukan ke atas tugas pembentangan lisan mereka. Sesetengah pelajar dapat menilai kecekapan rakan mereka sementara kebanyakan pelajar tidak dapat melakukan penilaian tersebut dengan baik. Pelajar tidak yakin dengan penilaian mereka ke atas tugas rakan mereka dan lebih suka tugas mereka dinilai oleh pensyarah. Faktor utama yang mendorong dapatan ini adalah kerana kebanyakan mahasiswa tidak fasih dalam bahasa Inggeris dan lebih gemar menggunakan bahasa Kurdish.

Berkenaan penggunaan ICT dalam membantu pelajar untuk mempertingkat




kemahiran lisan, Fekih Aslem (2014) telah melakukan kajian dan mendapati bahawa mahasiswa yang mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing mengatakan bahawa penggunaan alat ICT telah dapat meningkatkan tahap pemikiran mereka. Penggunaan ICT merupakan cara yang baik untuk membantu mereka meningkatkan prestasi lisan mereka. Ini kerana mereka berasa lebih selesa dan lebih yakin di samping berupaya memperoleh kosa kata baharu yang telah mereka pelajari di dalam bilik darjah. Namun begitu, ada sesetengah mahasiswa tidak gemar menggunakan alat ICT kerana bagi mereka teknologi tidak selalu menarik dan bukan satu-satunya cara untuk merangsang minat dan memperbaiki kemahiran lisan mereka.

Menurut Trucano (2005), terdapat kepercayaan yang meluas bahawa penggunaan peralatan dan perisian ICT boleh dan akan memperkasakan guru dan pelajar, mengubah proses pengajaran dan pembelajaran daripada yang berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Transformasi ini kemudiannya meningkatkan pembelajaran pelajar, mewujudkan peluang bagi pelajar untuk mengembangkan kreativiti, kebolehan menyelesaikan masalah, pemahaman maklumat, kemahiran komunikasi dan kemahiran berfikir yang lebih tinggi. Justeru, dengan penggunaan aplikasi *Letsrecap* diharapkan dapat memberi lebih banyak pendedahan dan juga meningkatkan kemahiran serta keyakinan para pelajar dalam menghadapi peperiksaan lisan.

KAEDAH KAJIAN

Bagi mencapai objektif untuk membantu para pelajar mempertingkatkan keyakinan mereka ketika menghadapi peperiksaan lisan, para guru di Sekolah Menengah Northbrooks menggunakan dua strategi yang menggalakkan pembelajaran secara aktif dan sendiri, iaitu penggunaan PRS di dalam kelas dan juga aplikasi ICT *Letsrecap* di luar kelas.

Sejak tahun 2015, Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Northbrooks telah menggunakan kaedah PRS di dalam kelas. PRS bukan sahaja menggalakkan pembelajaran secara aktif, malah dapat juga dimanfaatkan sepenuhnya masa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Sebba dan rakan-rakan (2008), PRS melibatkan pelajar menilai hasil kerja antara satu sama lain, dan berpandukan matlamat yang ingin dicapai. PRS mempunyai nilai tertentu dalam penilaian formatif kerana pelajar dapat bertanyakan soalan kepada rakan sekiranya tidak berpeluang bertanya kepada guru. Dalam hal ini, rakan-rakan lain




boleh menjelaskan persoalan tersebut dengan menggunakan bahasa yang lebih mudah mereka fahami.

PRS membolehkan pelajar menerima maklum balas dengan segera (*immediate feedback*) yang positif dan konstruktif serta dalam suasana yang selamat dan selesa. Pada masa yang sama, mereka juga berpeluang untuk melakukan banyak latihan perbualan bersama rakan-rakan. Justeru, para pelajar boleh mendapat pendedahan yang luas bagi setiap jenis soalan atau tema yang mungkin diuji dalam peperiksaan lisan. Kluger dan DeNisi (1996) menyatakan bahawa kedua-dua maklum balas positif dan negatif boleh memberi kesan yang baik kepada pembelajaran.

Pada pertengahan tahun 2017, aplikasi ICT *Letsrecap* ditemui dan telah dicuba untuk membantu para pelajar melakukan lebih banyak latihan dan pendedahan di luar darjah. Guru-guru boleh melakukan penilaian dengan mudah melalui aplikasi dalam talian ini. Menurut Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda (2010), ICT membuka peluang baharu seperti penggunaan kandungan yang interaktif, tugas individu dan penyediaan pelbagai bahan dan aktiviti untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar. Tambahan pula, ICT boleh menyediakan laporan balik secara individu dan membantu guru untuk membimbing semua pelajar.

Subjek Kajian

Kumpulan pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai enam orang pelajar Menengah 4 Normal Akademik yang terdiri daripada kumpulan Band 3, iaitu pelajar-pelajar yang meraih gred 4 dan kurang. Pelajar-pelajar Menengah 4 Normal Akademik ini telah dibahagi-bahagikan kepada tiga kelas mengikut keupayaan masing-masing. Memandangkan markah untuk peperiksaan lisan di peringkat NA ialah 30%, maka usaha telah dilakukan untuk membuat persiapan awal agar dapat membantu mereka mendapat gred yang baik. Pengkaji juga melakukan kajian bersama 23 orang pelajar Menengah 3 Ekspres untuk memastikan bahawa strategi ini benar-benar berkesan dalam membantu mempertingkatkan kemahiran lisan mereka. Memandangkan pelajar Menengah 3 Ekspres akan menduduki Peperiksaan GCE Peringkat 'O' pada tahun 2018, mereka merupakan subjek kajian paling sesuai untuk kajian ini.



Instrumen Kajian

Kajian ini bersifat eksperimental yang berbentuk kualitatif. Memandangkan kajian ini dijalankan dalam dua kelas, maka beberapa instrumen kajian telah digunakan untuk mendapatkan data berbentuk kuantitatif dan kualitatif.

Kelas Menengah 4 Normal Akademik (kelas pertama yang melakukan kajian ini)

1. Lembaran Kerja Penilaian Rakan Sebaya
2. Rubrik untuk Penilaian Rakan Sebaya
3. Perisian ICT *Letsrecap*
4. Borang Renungan Pelajar


Kelas Menengah 3 Ekspres (kelas kedua yang melakukan kajian ini)

1. Borang PraTinjauan
2. Lembaran Kerja Penilaian Rakan Sebaya
3. Rubrik Penilaian Rakan Sebaya
4. Perisian ICT *Letsrecap*
5. Borang Renungan Pelajar
6. Borang Pascatinjauan

Prosedur Kajian

Bagi PRS, para pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan guru dan kumpulan pelajar. Pelajar yang berada dalam kumpulan guru akan menerima teks bacaan untuk sesi bacaan lantang berserta soalan-soalan yang boleh digunakan untuk bahagian perbualan berdasarkan video. Mereka juga akan menerima rubrik untuk membantu mereka menilai prestasi rakan-rakan mereka. Kumpulan pelajar pula menerima sebuah templat untuk mengisi markah yang diraih dalam setiap latihan PRS serta maklum balas yang diterima daripada rakan-rakan yang menilai.

Untuk penggunaan alat ICT *Letsrecap* pula, pelajar dikehendaki untuk melungsur aplikasi ini dengan menggunakan nombor pin masing-masing. Kemudian, para pelajar akan menjawab soalan-soalan lisan yang telah dinaikmuatkan oleh guru. Setelah itu, para pelajar perlu membuat rakaman jawapan sendiri ketika menjawab soalan tersebut. Pelajar boleh membuat



rakaman berulang kali sehingga mereka berpuas hati dengan rakaman tersebut sebelum menaikmuatkan video mereka. Akhirnya, guru akan memberikan maklum balas tentang tugas mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kelas Menengah 4 Normal Akademik


Berikut merupakan gred yang diraih untuk bahagian lisan dalam Peperiksaan GCE Peringkat N(A) tahun 2017:

Jadual 2: Markah Peperiksaan Lisan GCE Peringkat N(A) 2017

Pelajar dari Kelas Band 3 (mendapat gred B4 ke bawah untuk peperiksaan Menengah 3)	Gred Untuk Peperiksaan Prelim 2017	Gred Untuk Peperiksaan Peringkat N(A) 2017
Pelajar A	38/60	Kepujian
Pelajar B	39/60	Merit
Pelajar C	40/60	Kepujian
Pelajar D	44/60	Merit
Pelajar E	36/60	Merit
Pelajar F	48/60	Merit

Secara keseluruhan, seramai 13 orang pelajar meraih markah kepujian dan 11 orang pelajar meraih markah merit bagi peperiksaan lisan tersebut. Ternyata, ini merupakan satu kejayaan yang tidak disangka-sangka kerana pelajar-pelajar dalam kelas ini tidak mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang baik dan kosa kata mereka juga agak terhad.

Jadual 3 berikut merupakan maklum balas daripada pelajar-pelajar Menengah 4 Normal Akademik tentang strategi yang telah dijalankan sebagai persiapan mereka untuk menghadapi peperiksaan lisan.




Jadual 3: Maklum balas Pelajar 4(NA)

No	Nama Pelajar	Maklum balas
1	Pelajar A	Agak sukar bagi saya melakukan PRS kerana saya membuat tugas ini bersama kawan sekelas saya yang rapat dan kami kurang serius. Kadang kala kawan saya memberikan markah yang tidak sesuai. Aplikasi <i>Letsrecap</i> memudahkan saya membuat latihan lisan kerana tiada orang akan mengganggu atau menilai saya kecuali guru saya.
2	Pelajar B	Pada pendapat saya, PRS merupakan satu cara yang baik untuk saya mempererat hubungan dengan rakan sekelas sambil belajar. PRS telah membantu saya untuk mengenal pasti kelemahan saya dalam latihan lisan. Melakukan beberapa latihan lisan bersama rakan telah membantu saya untuk memperbaiki sebutan saya.
3	Pelajar C	Menjelang peperiksaan lisan, kami menggunakan alat ICT <i>Letsrecap</i> untuk membuat latihan di rumah. Melalui PRS, guru dan rakan-rakan saya akan memberi maklum balas segera. Ini banyak membantu saya dalam persediaan peperiksaan lisan kerana saya menjadi lebih selesa apabila berhadapan dengan guru-guru yang menguji saya semasa peperiksaan lisan.
4	Pelajar D	Bagi saya, aplikasi <i>Letsrecap</i> memberi lebih manfaat semasa mengulangkaji untuk periksaan lisan kerana saya boleh menggunakan aplikasi itu di mana sahaja dan guru boleh memberikan maklum balas yang tertentu. Ini sangat bermanfaat kerana kadang kala di kelas kami tidak ada masa yang cukup untuk membuat latihan lisan memandangkan kita sibuk membuat ulangkaji untuk bahagian yang lain.

Memandangkan saiz kelas ini kecil, pengkaji telah menjalankan kajian ini sekali lagi dengan kelas Menengah Tiga Ekspres yang mempunyai 23 orang pelajar untuk mengesahkan keberkesanan strategi-strategi ini dalam membantu pelajar bagi persiapan mereka untuk peperiksaan lisan.

Kelas Menengah 3 Ekspres

Kajian yang telah dijalankan bagi kelas Menengah 3 Ekspres dilakukan selama dua minggu. Pada minggu yang pertama, pelajar diberikan taklimat tentang rubrik dan cara penggunaan aplikasi *Letsrecap*. Pada mulanya pelajar agak malu untuk



merakamkan diri mereka dan menonton diri sendiri apabila guru menayangkan rakaman mereka di dalam kelas. Namun, selepas diberikan kata-kata perangsang dan juga contoh-contoh video yang telah dibuat oleh pelajar menengah 4 NA, pelajar lebih bersemangat dan mula mencuba aplikasi ini. Ada pelajar lebih selesa untuk membuat rakaman secara individu, lantas mereka akan mencari tempat yang terpencil untuk membuat rakaman itu. Pelajar diberi kebebasan untuk mencari tempat yang selesa untuk membuat rakaman dengan menggunakan lpad yang dibantu oleh internet daripada *Wireless Router*.


Pelajar didapati mudah menyesuaikan diri dengan aplikasi tersebut dan mampu menjawab soalan dengan baik dan yakin. Pelajar mendapati bahawa aplikasi ini mudah untuk digunakan dan lebih informal jika dibandingkan dengan peperiksaan lisan yang sebenar di mana pelajar perlu bertentang mata dengan guru. Walaupun pelajar tidak suka menonton semula rakaman tersebut, mereka akur bahawa kaedah ini sebenarnya mampu membantu untuk memperbaiki kemahiran lisan mereka. Mereka lebih sedar terhadap kesilapan yang dilakukan tanpa disedari selama ini. Pelajar-pelajar yang lain juga boleh mempelajari daripada kesilapan dan juga kebaikan yang dilakukan oleh rakan mereka. Menonton rakaman yang baik dapat meningkatkan semangat dan keyakinan para pelajar untuk melakukan yang sama seperti rakan mereka.

Namun, untuk memastikan penggunaan *Letsrecap* berjalan lancar di dalam kelas, hubungan *wifi* yang kuat diperlukan dalam kawasan sekolah. Internet yang stabil memastikan video dapat dirakam dan dimuat naik dengan lancar. Masalah teknikal ini dapat diatasi dengan penggunaan *Wireless Router*.

KESIMPULAN

Melalui dapatan kuantitatif dan kualitatif dari kajian ini, kami dapati tidak semua pelajar meminati kedua-dua PRS dan penggunaan alat ICT *Letsrecap*. Ada yang lebih selesa dan gemar dengan strategi PRS manakala ada pula yang lebih suka kepada penggunaan yang mudah dalam aplikasi *Letsrecap*. Keputusan memberangsangkan yang telah diraih oleh pelajar-pelajar dalam band 3 bagi Peperiksaan GCE Peringkat N(A) 2017 menunjukkan bahawa penggabungan kedua-dua strategi ini boleh membantu pelajar untuk menjadikan pelajar itu lebih yakin semasa memberikan jawapan di dalam peperiksaan lisan.

Walaupun penggunaan strategi-strategi ini memerlukan banyak persediaan



yang teliti, namun peningkatan yang positif dalam diri pelajar membuat mereka lebih yakin. Strategi-strategi ini hanya akan berkesan sekiranya guru-guru menetapkan harapan dan memberikan arahan yang jelas serta kerap membuat pemantauan semasa menjalankan aktiviti-aktiviti ini. Para pelajar pula harus mendisiplinkan diri agar tidak mudah terganggu dengan gurauan rakan sedarjah mereka dan perlu melakukan aktiviti ini dengan bersungguh-sungguh. Akhir kata, para pelajar harus memamerkan sikap ingin mempertingkatkan kemahiran mereka ketika menjawab soalan-soalan di dalam bahagian lisan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Dian Farhana Akbar
2. Nur Fadillah Fauzan
3. Nuruljannah Juma'at

RUJUKAN

Trucano, M. (2005). *Knowledge maps. ICTs in education*. Washington, DC: InfoDev/World Bank.


Eddy White (2009). Student perspective of peer assessment for learning in a public speaking course: *Asian EFL Journal - Professional Teaching Articles*. Vol.33. January 2009.

Zina, A. C. (2015). Empowering learning: students and teachers outlook on peer assessment for oral presentation: *Journal of Education and Practice*, Vol.6, No.27.

Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda (2010) Memupuk pelajar aktif dan pengguna cekap. Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.

Sebba J., Deakin, C. R., Yu, G., Lawson, H., Harlen, W. (2008). Systematic review of research evidence of the impact on students in secondary schools of self and peer assessment: *Research evidence in education Library*. London: EPPI-Centre, Social Science Research Unit, Institute of Education.

Ismaeil, F. A step in the right direction: peer-assessment of oral presentation in an EFL setting. Dipetik dari <http://www.readingmatrix.com/files/12-595x9qg9.pdf>



Fekih Aslem (2014). The use of ICTs to enhance EFL learners' oral language proficiency: the case of first-year LMD students at Tlemcen University: People's Democratic Republic of Algeria Ministry of Higher Education and Scientific Research. Dipetik dari <http://dspace.univ-tlemcen.dz/bitstream/112/7949/1fekih-Ahlem.pdf>

